


OBOR BELIA

BUKU 6

BERBAHAGIALAH!

(KHUTBAH DI BUKIT)



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penulis & Penterjemah: Evelyn Tan Hwee Yong

Hwee Yong telah lama berkecimpung dalam penulisan dan penterjemahan, dan telah menulis banyak buku dalam Bahasa Malaysia. Dia memperoleh M.A. Theology dari South East Asia Bible College, dan M. Human Sc. dari Universiti Islam Antarabangsa.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: March 2010

Cetakan Kedua : Mei 2014

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com

Pencetak : Kim Guan Press Sdn. Bhd.

Kulit Buku : Chiang Juat Chin

Artis Ilustrasi : Vincent Wan & Eugene Tan

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia

Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2010 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

- 1 Sebelum Anda Bermula
- 4 Mukadimah: Berbahagialah!

Lembar Kerja

- 6 Sesi 1: Berbahagialah Yang Miskin & Berdukacita
- 10 Sesi 2: Berbahagialah Yang Lemah Lembut
- 14 Sesi 3: Berbahagialah Yang Lapar & Haus
- 18 Sesi 4: Berbahagialah Yang Berbelas Kasihan
- 22 Sesi 5: Berbahagialah Yang Suci Hatinya
- 28 Sesi 6: Berbahagialah Yang Membawa Damai
- 34 Sesi 7: Berbahagialah Yang Dicela & Dianiaya
- 40 Sesi 8: Garam Dan Terang Dunia

Panduan Pembimbing

- 47 Sesi 1
- 51 Sesi 2
- 54 Sesi 3
- 57 Sesi 4
- 61 Sesi 5
- 64 Sesi 6
- 67 Sesi 7
- 70 Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.






Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.

	<p>Objektif-Objektif Sesi Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.</p>
	<p>Pencetus Minat Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.</p>
	<p>Aktiviti Tambahan Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.</p>

Beberapa Panduan Berguna

* **Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

* **Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

* **Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

* **Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 6: Berbahagialah!

Mukadimah

Kuasa, kekayaan, kemampuan bersaing dalam pasaran, penampilan yang menarik dan wajah yang menawan sering dirayakan sebagai tanda kejayaan dan sifat-sifat yang sangat diidamkan oleh manusia di dunia ini. Adakah kita juga menganut nilai-nilai ini dan menggalakkan belia kita untuk memiliki sifat-sifat ini untuk memastikan mereka berjaya dalam kehidupan mereka?

Tuhan Yesus mencabar pemikiran dan pemahaman kita melalui ajaran-ajaran-Nya di Khutbah Di Bukit. Nilai-nilai yang dikhutbahkan oleh Tuhan Yesus itu berlawanan dengan nilai-nilai yang dialu-alukan oleh dunia ini. Tuhan menghargai orang yang miskin jiwanya di hadirat Allah, berdukacita atas dosa sendiri, rendah hati, haus akan kebenaran, serta mencintai dan membawa damai.


Buku Berbahagialah! ini bertujuan untuk menolong para belia menyelidiki sistem nilai mereka sendiri dan memastikan nilai-nilai mereka didasarkan pada pandangan Alkitab. Untuk mengajar Khutbah Di Bukit, seorang pembimbing memerlukan perubahan paradigma mereka iaitu pertukaran minda. Mereka mesti mengajar para belia apa yang dianggap bernilai dalam Kerajaan Allah dan bukan apa yang dipentingkan oleh dunia.

Tuhan Yesus berkata bahawa Dia datang bukan untuk menghancurkan kehidupan ini tetapi untuk menolong kita hidup dalam berkelimpahan. Sewaktu kita menerapkan pengajaran-pengajaran dalam Khutbah Di Bukit dalam kehidupan kita, kita pasti akan mengalami berkat-Nya, kebahagiaan kehadiran-Nya, penghiburan-Nya serta kerajaan-Nya dalam hati kita.

Dan Yesus berkata: "Siapa mempunyai telinga untuk mendengar, hendaklah ia mendengar!" (Markus 4:9)



**Berbahagialah
Yang Miskin & Berdukacita**





Ayat Mas Alkitab

“Berbahagialah orang yang miskin di hadapan Allah, kerana merekalah yang empunya Kerajaan Syurga. Berbahagialah orang yang berdukacita kerana mereka akan dihibur.” (Matius 5:3-4)



Kata-kata Mutiara

Yesus memanggil mereka yang menyedari bahawa mereka tidak layak di hadirat Tuhan, harus bersedih atas dosa mereka serta bergantung kepada Tuhan sebagai orang yang berbahagia.



Aktiviti Bersama Siapa Miskin, Siapa Kaya?

Baca Lukas 18:9-14. Pembimbing anda akan memilih dua orang untuk melakonan petikan Alkitab tersebut: seorang memegang watak pemugut cukai dan seorang lagi sebagai orang Farisi.

Peserta lain akan dibahagikan kepada dua kelompok. Satu kelompok akan menilai orang Farisi dan kelompok yang satu lagi akan menilai sikap si pemugut cukai. Bincangkan sikap dan sifat kedua-dua watak tersebut dalam kelompok masing-masing.

Siapakah yang miskin di hadirat Tuhan? Siapakah yang akan diterima oleh Tuhan? Mengapa?



Renungan Firman Tuhan Bacaan: Matius 5:3-4

1. Apakah yang dimaksudkan oleh Yesus ketika Dia memanggil orang ini ‘berbahagialah’ (versi lain: ‘diberkatilah’)? Kenapakah mereka dianggap berbahagia?
2. Apakah yang dimaksudkan oleh Tuhan Yesus apabila Dia berkata berbahagialah orang yang miskin di hadapan Allah? (Matius 5:3)

3. Kenapakah kita harus miskin di hadapan Allah baru kita boleh menjadi kaya dalam Allah?

4. Apakah erti Kerajaan Allah atau Kerajaan Syurga? Jenis orang apakah yang dapat menerima Kerajaan Syurga?

5. Mengapakah mereka yang miskin di hadapan Allah dikatakan akan berdukacita? (Matius 3:4)

6. Menurut anda, bagaimanakah Allah dapat menolong orang yang remuk hati? (Yesaya 57:15)

7. Sifat apakah yang dapat anda lihat dalam pemimpin-pemimpin yang kuat dan berbakat seperti Musa (Bilangan 12:3) dan Daud (2 Samuel 7:18-19)?

8. Adakah Paulus bergantung pada segala kemampuannya? Kenapa? (Filipi 3:7-8)

9. Mengapakah kita boleh mengatakan Daud hidup berkenan kepada Tuhan dan Kerajaan Tuhan dekat kepada hatinya? (Mazmur 119:136)

10. Sikap kita haruslah sama seperti Tuhan Yesus. Apakah yang dikatakan oleh Tuhan Yesus mengenai Diri-Nya? (Yohanes 5:19-20)



Renungan Peribadi

1. Dalam sesi ini, Tuhan telah meyakinkan saya bahawa saya miskin di hadapan Allah kerana _____

2. Saya mengaku bahawa saya:

- perlu bersandar kepada Tuhan kerana saya miskin di hadapan Allah.
- perlu berseru kepada Tuhan untuk rahmat-Nya
- perlu meminta Tuhan untuk mengampuni saya

3. Dengan pertolongan Tuhan, saya akan cuba mendewasa dalam hal

Santapan Minda

Jadikan diriku yang miskin ini bertambah semakin kurang, ya Yesus; dan biarlah Engkau semakin bertumbuh dalam diriku.

~ Johann Caspar Lavater (1741-1801)
Penyair & Ahli Physionomi




Doa

Jiwai Khutbah Di Bukit dan berdoa agar anda akan menerapkannya dalam kehidupan anda.



Berbahagialah Yang Lemah Lembut





Ayat Mas Alkitab

“Berbahagialah orang yang lemah lembut kerana mereka akan memiliki bumi.” (Matius 5:5)



Kata-kata Mutiara

“Untuk Yesus, lemah lembut itu satu sifat dan bukan suatu pembawaan. Sebagai satu sifat, ia berlawanan dengan kecemburuan dan sifat-sifat yang mementingkan diri sendiri. Ia selalu berusaha menyenangkan dan tidak pernah untuk menonjolkan diri. Ia berasal daripada kelemahan-lembutan seseorang yang sedar akan kemiskinan rohaninya dan kebergantungannya kepada Tuhan dan membiarkan-Nya membimbing dirinya.” (Daniel M. Doriani)



Aktiviti Bersama Penyelesaian Masalah

Abram mengambil keputusan untuk pergi ke Tanah Negeb dari Mesir bersama dengan isterinya, Lot (anak saudaranya), dan segala kepunyaannya. Abram sangat kaya dan dia memiliki banyak ternakan, perak dan emas. Anak saudaranya juga mempunyai domba, lembu dan kemah. Negeri itu tidak cukup luas untuk menampung Abram dan Lot sebab harta mereka yang terlalu banyak. Mereka tidak boleh tinggal di tempat yang sama. Di hadapan mereka ada sebuah tanah yang baik iaitu Lembah Yordan yang mempunyai banyak air.

Jika anda adalah penasihat Abram, apakah yang harus dibuat oleh Abram? Bincangkan dalam kelompok anda dan anda boleh lakonkan jawapan anda.

Dengan keputusan yang diambil oleh Abram, adakah pada akhirnya dia dirugikan? (Jangan baca Kejadian 13 sebelum anda menyelesaikan masalah cerita ini!)



Renungan Firman Tuhan

1. Kenapakah dikatakan bahawa kita mesti memahami Matius 5:3-4 sebelum kita menerapkan Matius 5:5?

2. Menurut pendapat anda, apakah maksud orang yang lemah lembut yang diceritakan dalam Matius 5:5?

3. Dari sudut pandangan dunia, mengapakah ia cukup mengejutkan kalau kita berkata orang yang lemah lembut akan memiliki dunia?

4. Tuhan Yesus berkata bahawa Diri-Nya lemah lembut dan rendah hati. Apabila anda menyelidiki kehidupan Tuhan Yesus, ciri-ciri apakah yang membuktikan bahawa Dia lemah lembut dan rendah hati? (Matius 11:28)

5. Mengapakah kita tidak perlu cemburu akan tindakan mereka yang agresif dan yang tidak memuliakan Tuhan dalam merebut kekayaan? (Mazmur 37:1, 10-11)

6. Baca 1 Samuel :24:1-6. Jelaskan bagaimana Daud memberi teladan sebagai seorang yang lemah lembut?



Renungan Peribadi

Saya menyedari bahawa saya adalah ciptaan baru dan memiliki nilai baru dalam Kerajaan Allah. Tuhan Yesus bersabda, “Berbahagialah orang yang lemah lembut kerana mereka akan memiliki bumi” (Matius 5:5). Saya menyedari bahawa saya masih perlu berlemah-lembut dalam kehidupan saya.

Saya akan berlemah-lembut dalam perkara-perkara berikut dalam kehidupan saya...

Santapan Minda

“Hendaklah kamu dalam hidupmu bersama, menaruh pikiran dan perasaan yang terdapat juga dalam Kristus Yesus, yang walaupun dalam rupa Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah itu sebagai milik yang harus dipertahankan, melainkan telah mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia, Ia telah merendahkan diri-Nya dan taat sampai mati, bahkan mati di kayu salib.”



(Filipi 2:6-8)



Doa

Baca dan jiwailah Matius 5:5 sekali lagi. Berdoalah agar kita semua hidup lemah lembut dan tidak menonjolkan diri kita sendiri. Minta agar Tuhan memberi kita hati yang selalu berlemah-lembut di hadapan-Nya dan kawan-kawan kita.

**Berbahagialah
Yang Lapar & Haus**





Ayat Mas Alkitab

“Berbahagialah orang yang lapar dan haus akan kebenaran, kerana mereka akan dipuaskan.”
(Matius 5:6)



Kata-kata Mutiara

Untuk lapar dan haus akan kebenaran bererti kita rindu akan pemerintahan Tuhan dan kebenaran firman-Nya dalam kehidupan kita.



Aktiviti Bersama Perihal Makan & Minum

Jawablah soalan-soalan berikut dengan jujur:

1. Saya minum _____ kali dalam sehari.
2. Saya makan _____ kali dalam sehari.
3. Saya makan firman Tuhan _____ kali sehari.
4. Saya akan berdoa _____ kali sehari.
5. Saya membaca suratkhobar _____ kali seminggu.
6. Saya membaca buku rohani _____ kali seminggu.



Renungan Firman Tuhan

1. Proses apakah yang menyebabkan kita mulai haus akan kebenaran Allah? (Yohanes 6:35)

2. Mencari Tuhan dan kebenaran-Nya mesti berkobar-kobar dan sehangat mencari apa dalam kehidupan kita? (Mazmur 42:1-2)

3. Jenis orang apakah yang akan menghauskan Tuhan seperti rusa menghauskan air? Jangan lupa bahawa pertanyaan ini ada kaitan dengan Matius 5:4-5.

4. Menurut anda, perkara-perkara baik apakah yang akan diberikan oleh Tuhan kepada mereka yang haus akan Tuhan? (Mazmur 107:5-9)

5. Apakah yang harus kita lakukan kalau kita ingin mencari kerajaan Tuhan dan kebenaran-Nya? (Matius 6:33)

6. Apakah umat Tuhan pada zaman nabi Hosea sungguh-sungguh mencari kebenaran Tuhan? Apakah yang diibaratkan Tuhan atas kesungguhan mereka? (Hosea 6:4)

7. Apakah yang menyebabkan kita semakin rindu akan kebenaran? (1 Yohanes 3:2)

8. Bagaimanakah orang menunjukkan bahawa mereka haus akan Tuhan? (Amos 8:11-12)

9. Dari sudut pandangan Alkitab, haus akan kebenaran bukan sahaja mementingkan kebenaran dalam kehidupan peribadi kita tetapi juga kebenaran dalam masyarakat. Bagaimanakah umat Tuhan dalam Amos 2:6-7 dikatakan tidak mempunyai kebenaran dari segi sosial?


10. Bilakah kerinduan kita untuk kebenaran akan berakhir dan kenapa? (Wahyu 7:15-17)




Renungan Peribadi

Tuhan Yesus berjanji akan memuaskan kelaparan mereka yang lapar akan kebenaran.

Dalam kelompok masing-masing, siapkan satu resipi yang boleh menolong anda memupuk satu menu makanan rohani yang boleh membentuk kecantikan dalam kerohanian anda dan mendasari kehidupan anda dengan kebenaran



RESIPI MENU ROHANI SAYA ..



Santapan Minda

“Nah, ini adalah perjanjian yang mutlak, kalau anda sedang lapar akan kebenaran, anda akan dikenyangkan. Ini tidak boleh diragukan. Pasti anda tidak hanya menghauskan berkat-Nya. Laparlah dan hauslah akan kebenaran, rindulah untuk menyerupai Kristus, dan anda akan memperoleh berkat-Nya.”


~ D. Martyn Lloyd Jones



Doa

Renungi Matius 5:6 sekali lagi. Berdoalah agar kita benar-benar lapar dan dahagakan kebenaran Tuhan dalam kehidupan kita.

Berbahagialah Yang Berbelas Kasihan





Ayat Mas Alkitab

“Berbahagialah orang yang mengasihani orang lain, Allah juga akan mengasihani mereka.”
(Matius 5:7)



Kata-kata Mutiara

Sewaktu kita menjadi miskin di hadapan Allah dan menyadari akan segala dosa dan kelemahan kita, itu akan membuat kita menjadi lebih sabar dan dapat mengasihani orang yang gagal.



Aktiviti Bersama Sandiwara Minggu Ini

Kenapakah kita harus tunjukkan belas kasihan kepada orang lain?

Baca Matius 18:21-35. Anda akan dibahagikan kepada dua kelompok. Buatlah satu lakonan sosial moden yang berdasarkan petikan Alkitab tersebut. Anda boleh merangkaikan elemen-elemen moden ke dalam lakonan ini.



Renungan Firman Tuhan

A. Tuhan Yesus Berbelas Kasihan

1. Apakah yang menggerakkan hati Tuhan Yesus untuk menunjukkan belas kasihan? (Matius 9:36)
2. Belas kasihan Tuhan Yesus telah menggerakkan hati-Nya untuk berbuat apa? (Matius 15:32-39)
3. Belas kasihan Tuhan Yesus telah menggerakkan hati-Nya untuk menjangkau siapa? (Matius 20:34)

4. Apakah perasaan Tuhan Yesus sewaktu Dia melihat tangisan seorang janda? Apakah yang dilakukan-Nya? (Lukas 7:11-15)

B. Kenapa Kita Perlu Mengasihani

5. Kenapakah Tuhan Yesus memanggil kita untuk mengasihani orang lain khususnya mereka yang kita fikir tidak layak menerima belas kasihan kita? (Matius 18:21-35, Lukas 6:32-36)
6. Siapakah yang layak menerima belas kasihan kita? (Lukas 6:32-36, Yohanes 8:1-11)

C. Siapakah Yang layak Menerima Berkat?

7. Apa janji Tuhan Yesus kepada mereka yang menunjukkan belas kasihan kepada orang lain? (Matius 18:21-35)



Renungan Peribadi


1. Pertanyaan apakah yang patut anda kemukakan ketika melihat orang dalam kesusahan.
2. Ceritakan pengalaman anda kepada ahli kumpulan anda:
 - (a) Satu peristiwa yang telah menyebabkan anda begitu susah untuk menunjukkan belas kasihan kepada orang itu.
 - (b) Bagaimanakah anda memberi respon anda?
 - (c) Adakah anda mempunyai kesulitan menunjukkan belas kasihan anda?

3. Beri cadangan dan pandangan anda tentang pengalaman anda sewaktu berusaha memberi belas kasihan.

Santapan Minda

“Mereka yang datang kepada Tuhan untuk meminta belas kasihan, datang sebagai pengemis, bukan sebagai seorang piutang. Mereka datang untuk meminta belas kasihan, kasih kurnia Tuhan, dan bukan untuk apa yang mereka layak menerima. Sebab itulah kita harus belajar mengasihani orang lain kerana Dia telah terlebih dahulu menunjukkan kemurahan-Nya kepada kita.

~ Jonathan Edwards, 1703-1758
(Pastor, Ahli Teologi & Missionaris)




Doa

Berdoalah dan mintalah agar Tuhan Yesus memberi anda kerendahan hati dan belas kasihan. Berdoa juga agar Tuhan membawa anda ke suatu situasi di mana anda boleh menunjukkan belas kasihan anda kepada orang lain.



Berbahagialah Yang Suci Hatinya





Ayat Mas Alkitab

“Berbahagialah orang yang suci hatinya, kerana mereka akan melihat Allah”.
(Matius 5:8)



Kata-kata Mutiara

Anda dapat melihat Allah! Allah dapat dilihat oleh anda, tetapi dengan syarat anda siap dan bersedia untuk menjadi suci di dalam hati.



Aktiviti Bersama

Perihal Hati

1. Anda akan dibahagikan kepada dua kumpulan. Setiap kumpulan akan diberikan satu keping hati besar kadbod dan sekotak krayon
2. Satu kumpulan akan melukiskan hati orang yang mengasihi Tuhan dengan pelbagai simbol.
3. Satu kumpulan lagi akan melukiskan hati orang yang tidak mengasihi Tuhan.
4. Bincangkan lukisan anda kemudian dan jelaskan simbol-simbol itu.



Renungan Firman Tuhan

Dalam kumpulan empat atau lima orang, jawab soalan-soalan di bawah dan kemudian berbincang dengan pembimbing dan para peserta lain.

A. Hati ialah Pusat Keberadaan Kita

1. Apa ertinya apabila kita menggunakan perkataan “hati” dengan kawan-kawan kita?
2. Dalam 1 Raja-Raja 3:10-12, Raja Salomo meminta hati untuk menimbang perkara untuk menghakimi umat-Nya. Apa maksud ‘hati’ dalam ayat 1 Raja-Raja 3:9 ini?

3. Ulangan 30:15-18 telah menjelaskan sesuatu tentang hati. Apakah yang dimaksudkan oleh Tuhan apabila Dia menyebut 'hati'?

4. Apakah yang dimaksudkan 'hati' dalam Markus 12:29-30?

5. Jadi kita boleh merumuskannya, erti hati ialah _____, _____ dan _____.

6. Tuhan Yesus berkata hati yang menjadi pusat keberadaan kita mampu berbuat apa? (Matius 15:16-20)

7. Kenapakah Yeremia berkata hati kita licik dan sudah membatu? (Yeremia 17:9)

B. Suci Dalam Hati

8. Apakah ertinya hati yang suci?

9. Apakah yang menjadi sebab utamanya Pemazmur meminta Tuhan memberinya hati yang tidak berbelah bagi? (Mazmur 86:11)

10. Bagaimanakah seseorang boleh menjaga keadaan hatinya? (Matius 15:16-20)

C. Berkat Daripada Hati Yang Suci

11. Adakah melihat Allah bererti kita bersemuka dengan-Nya atau melihat-Nya secara jasmani? (Keluaran 33:20)

12. Apakah ertinya ketika Tuhan Yesus berkata tidak ada orang yang melihat Bapa kecuali mereka yang datang daripada Allah? (Yohanes 6:46)

13. Menurut Yakobus, bagaimanakah kita boleh memelihara hati kita? (Yakobus 4:8)



Renungan Peribadi


Apa sahaja masalah yang sering anda hadapi sewaktu anda ingin menjaga kekudusan hati?

Saya selalu menghadapi masalah berikut sewaktu ingin hidup suci dan tidak menduakan hati saya:

- Tandakan yang berikut kalau anda serius ingin mengubah diri.
- Saya selalu berdoa dan meminta Tuhan Yesus untuk menyucikan hati saya dan menolong saya sehingga saya boleh mengatasi masalah-masalah ini.
 - Saya selalu meminta agar Tuhan tinggal di dalam diri saya dan agar Roh Kudus memenuhi hati saya.

Santapan Minda

“Rangkap kedua dan keenam dalam Khutbah Di Bukit seiring dan seirama. Murid-murid yang menangisi dosa tentu akan merindu akan kesucian dalam hati mereka. Kalau kita menyadari dosa kita, sama ada perbuatan atau fikiran, kita akan mencabutnya seperti kita mencabut lalang. Kita akan menjadi suci di hati dan kita akan melihat Tuhan.”



~ Daniel M. Doriani

(Penulis dan Profesor Perjanjian Baru di Covenant Seminary)



Doa

Tuhan bersabda dalam Ibrani 12:14, “Berusahalah hidup damai dengan semua orang dan kejarlah kekudusan, sebab tanpa kekudusan tidak ada seorang pun akan melihat Tuhan.”

Berdoa agar Tuhan memberi anda kuasa untuk mengejar kekudusan dan hidup berdamai dengan orang lain. Minta Tuhan untuk menolong anda memeluk semua yang anda pelajari dalam hati anda dan dengan demikian orang lain akan mengenal Bapa Syurgawi.





Berbahagialah Yang Membawa Damai





Ayat Mas Alkitab

“Berbahagialah orang yang membawa damai kerana mereka akan disebut anak-anak Allah”.
(Matius 5:9)



Kata-kata Mutiara

Kita tidak ada damai dengan orang lain kerana kita tidak ada damai dengan diri sendiri. Dan kita tidak ada damai dengan diri sendiri kerana kita tidak ada damai dengan Tuhan.



Aktiviti “Anak Pendamaian” Bersama

Anda akan dibahagikan kepada beberapa kelompok kecil. Baca petikan cerita di bawah yang diambil dari buku *Peace Child* (Anak Pendamaian) yang ditulis oleh Don Richardson. Bayangkan anda adalah Don and Carol Richardson, bagaimanakah anda akan menyampaikan Anak Pendamaian iaitu Yesus Kristus kepada orang suku Sawi? Anda boleh lakonkannya setelah anda berbincang.

Pada zaman dahulu kalau orang Sawi di Irian Jaya mahu berdamai dengan musuh mereka, seorang bayi akan dikorbankan daripada kedua-dua suku itu sebagai korban pendamaian. Pada tahun 1962, Don dan Carol Richardson bersama dengan bayi mereka yang berusia 7 bulan tiba di Irian Jaya. Mereka diutus oleh “Regions Beyond Missionary Union” kepada suku Sawi yang terkenal dengan budaya kanibal dan pemotong kepala. Dengan mengambil kebiasaan mereka yang mengorbankan bayi untuk tujuan pendamaian, Don dan Carol akhirnya dapat menceritakan “Anak Pendamaian Manusia” sehingga suku Sawi percaya kepada Berita Baik Yesus Kristus.




Wumi menangis dan berjalan terhoyang-hayang dari kamarnya. Saudara-maranya cuba menghiburkan hatinya tetapi dia semakin sayu. Suaminya, Kaiyo, baru memberi anak mereka sebagai “*taron tim*” iaitu anak pendamaian dan Mahaen, musuh mereka akan memberi anak pendamaian mereka.

Kedua-dua bayi itu didandan dengan cantik sekali. Kaki dan tangan mereka diikat dengan tali pita. Mahaen dan Kaiyo ber-temu dan buat pertama kalinya, kedua-duanya bersenyum kerana kedua-duanya memegang anak pendamaian mereka dalam tangan mereka. Puncak daripada upacara itu ialah peletakan tangan ke atas setiap anggota bayi pendamaian tersebut. Bayi itu kemudiannya dibunuh atas nama pendamaian.

Don dan Carol Richardson telah menggunakan konsep anak pendamaian untuk menceritakan bagaimana manusia boleh berdamai dengan Tuhan. (Roma 3:25)



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah yang dilakukan oleh Allah yang bersifat damai sejahtera kepada manusia? (Ibrani 13:20)
2. Apakah yang dimaksudkan oleh Yesaya ketika Dia bersabda bahawa Tuhan (Yesus) adalah Putera Damai? (Yesaya 9:6)
3. Apakah yang dimaksudkan oleh Tuhan apabila Dia bersabda, “Berbahagialah orang yang membawa damai kerana mereka akan disebut anak-anak Allah.” (Matius 5:9)

4. Sebagai seorang pembawa damai, Apakah yang diminta oleh Rasul Paulus daripada kita? (Roma 12:17-18)

5. Tuhan Yesus berkata sewaktu anda mendekati mezbah dan teringat seseorang yang marah terhadap anda, apakah yang anda perlu buat? (Matius 5:23-24)

6. Mengapakah Tuhan Yesus tidak bersetuju kalau kita membalas kejahatan dengan kekerasan? (Matius 26:52)

7. Mengapakah kita harus bersikap berlainan daripada cara dunia memperlakukan musuh mereka? (Lukas 6:27-36)

8. Bagaimanakah kita boleh mengikut contoh Tuhan Yesus sebagai seorang pembawa damai? (1 Petrus 2:21-23)



Renungan Peribadi

1. Setelah mempelajari sesi ini, saya menyedari bahawa saya perlu membawa damai kepada orang lain. Saya memahami bahawa saya boleh menjadi pembawa damai dengan memberitakan bagaimana Tuhan Yesus telah mengemudi rancangan pendamaian antara manusia dan Allah yang Maha Kudus. Saya akan membawa khabar damai kepada _____

2. Saya juga tahu pembawa damai bererti saya mesti hidup berdamai dengan semua orang. Saya masih kekurangan hal ini khususnya (dalam hal/dengan orang) yang berikut:

Santapan Minda

Alat Damai Sejahtera-Mu

Tuhan, jadikan aku alat sejahtera-Mu.
Di mana ada kebencian, aku menabur kasih,
Di mana ada luka, pengampunan.
Di mana ada perselisihan, perdamaian;
Di mana ada keraguan, iman;
Di mana ada kekecewaan, pengharapan;
Di mana ada kegelapan, cahaya;
Di mana ada kesedihan, sukacita.



O Tuhan Ilahi,
Semoga aku lebih ingin menghibur daripada dihibur,
Mengasihi daripada dikasihi.

Kerana dengan memberi aku terima;
Dengan mengampuni,
Aku mendapat pengampunan dan dengan mematikan diri,
Aku dilahir untuk hidup selama-lamanya.

~ Santo Francis Assisi (1181-1226)



Doa

Gunakan doa “Alat Damai Sejahtera-Mu” yang ditulis oleh Santo Francis Assisi di atas sebagai doa anda pada hari ini.



Berbahagialah Yang Dicela & Dianiaya





Ayat Mas Alkitab

“Berbahagialah orang yang dianiaya oleh sebab kebenaran kerana merekalah yang empunya Kerajaan Syurga. Berbahagialah kamu, jika kerana Aku kamu dicela dan dianiaya dan kepadamu difitnahkan segala yang jahat.”
(Matius 5:10-11)



Kata-kata Mutiara

Sama seperti Tuhan telah mencurahkan hujan ke atas orang yang baik dan orang yang jahat, demikian juga Dia mengingini kita mencurahkan kasih dan pengampunan kita kepada orang yang menganiaya kita.



Aktiviti Awak Marah Ke? Bersama

Sewaktu anda dicaci perkataan manakah yang menjelaskan respon atau perasaan anda? Tandakan.

- Maki hamun Balas dendam Hamburkan perkataan kesat
- Kutuk orang itu Tetap Gembira Marah
- Bersorak-sorak dan memuji Tuhan Berdoa bagi orang itu
- Merasa terhina Menangis Menyembunyikan diri
- Tidak langsung menghiraukan Lain-lain _____



Renungan Firman Tuhan

Bincangkan ayat-ayat Alkitab berikut bersama dengan kelompok anda:

Bahagian A (Si Penganiaya)

1. Kenapa orang suka menganiaya orang Kristian? (Yohanes 15:18-25; 1 Petrus 4:3-5)

2. Kenapakah dunia membenci Tuhan Yesus? (Yohanes 15:22-24)

3. Mengapakah Tuhan Yesus berkata mereka juga akan menganiaya anak-anak Tuhan sama seperti mereka telah menganiaya-Nya? (Yohanes 15:20)

Bahagian B (Yang Dianiaya)

4. Bagaimanakah kita harus bersikap ketika kita dianiaya kerana iman kita? (1 Petrus 4:12-16,19)

5. Jelaskan tiga hal yang kita perlu ingat sewaktu kita dianiaya seperti yang telah diajari Tuhan Yesus. (Matius 5:11-12)
 - (i) _____
 - (ii) _____
 - (iii) _____

6. Para pengikut Kristus tetap berbahagia walaupun setelah dirotan oleh Sanhedrin. Kenapa? (Kisah Rasul-Rasul 5: 40-41)

7. Kalau orang lain mengatakan segala yang baik mengenai anda, ini tidak bererti anda sudah hidup berkenan kepada Tuhan. Kenapa? (Lukas 6:26)



Renungan Peribadi

Demi Untuk Sesuatu Yang Benar

“Sebab dapatkah disebut pujian, jika kamu menderita pukulan kerana kamu berbuat dosa? Tetapi jika kamu berbuat baik dan kerana itu kamu harus menderita, maka ini adalah kasih karunia pada Allah.”
(1 Petrus 2:20-21)

‘Petrus berkata lagi, “Berbahagialah kamu jika kamu dinista kerana nama Kristus, sebab Roh kemuliaan, iaitu Roh Allah ada padamu. Janganlah ada di antara kamu yang harus menderita sebagai pembunuh atau pencuri atau penjahat, atau pengacau.”’
(1 Petrus 4:14-15)

Situasi	Apabila ia adalah kesalahan	Apabila saya melakukan yang betul	Apabila ia untuk Yesus
1. Berapa seringkah anda dianiyai atau diperlakukan dengan tidak baik? 2. Bilakah ia terjadi dan apa yang terjadi? a. Kenapakah orang itu memperlakukan anda sedemikian? b. Apakah respon anda? c. Kenapa anda memberi respon sedemikian? d. Adakah anda akan memberi respon yang berlainan sekarang?			

Situasi	Apabila ia adalah kesalahan	Apabila saya melakukan yang betul	Apabila ia untuk Yesus
<p>e. Adakah respon anda ini menunjukkan anda sudah berubah?</p> <p>f. Adakah anda kurang berubah?</p> <p>3. Fikirkan waktu-waktu anda dianiaya kerana melakukan sesuatu yang betul atau kerana iman anda.</p> <p>a. Apakah respon anda?</p> <p>b. Bolehkah anda memperbaikinya?</p>			

Santapan Minda

“Penderitaan dan penganiayaan adalah satu rencana kemuridan yang sejati. Kadang-kadang kebebasan kita untuk beribadah membuat kita terlena dan iman kita tumpul. Mungkin kita perlu dimurnikan dengan sedikit penganiayaan.”

~ Dietrich Bonhoeffer (1906-1945)*




* Beliau adalah seorang pastor dan ahli teologi Lutheran yang dipenjarakan dan digantung oleh rezim Nazi kerana menentang rezim Hitler.




Doa

Cari seorang teman dan ceritakan pengalaman anda sewaktu menghadapi penganiayaan. Jelaskan apa yang anda harap dalam perubahan diri anda sewaktu menghadapi kesulitan seperti ini dan respon yang anda berikan. Berdoalah satu sama lain.



Garam Dan Terang Dunia





Ayat Mas Alkitab

“Kamu adalah garam dunia. Jika garam itu menjadi tawar, dengan apakah ia diasinkan? Tidak ada lagi gunanya selain dibuang dan diinjak orang. Kamu adalah terang dunia. Kota yang terletak di atas gunung tidak mungkin tersembunyi.”
 (Matius 5:13-14)



Kata-kata Mutiara

“Yesus ingin para murid-Nya menjadi obat pembasmian kuman-kuman moral di dunia yang mempunyai tahap moral yang rendah, moral yang sering berubah atau tidak wujud moral sama sekali.” (R.V.G. Tasker, *The Gospel According to Matthew*)



Aktiviti Bersama Kegunaan Garam & Api

Apakah fungsi garam dan api dalam kehidupan dan tubuh manusia? Bincangkan bersama kumpulan dan pembimbing anda.

Kegunaan Garam	Kegunaan Api



Renungan Firman Tuhan

A. Peranan Sebagai Garam

1. Sebelum penciptaan peti sejuk, garam telah digunakan untuk mencegah kebusukan daging. Apakah yang dikatakan oleh Tuhan Yesus mengenai peranan orang Kristian dan gereja di tengah-tengah dunia ini. (Matius 5:13)

2. Lihat semula apa yang anda diskusikan dalam Pencetus Minat sesi ini. Berdasarkan kemerosotan yang anda lihat dalam masyarakat kita, bagaimanakah kita boleh menjadi garam?

3. Bagaimanakah Tuhan Yesus membanding garam yang kehilangan rasa masinnya atau menjadi tawar dengan orang Kristian? (Matius 5:13)

B. Peranan Sebagai Terang

4. Garam mencegah kebusukan dan kejahatan daripada merebak dengan cepat. Bagaimana pula dengan terang, apakah fungsi terang di dunia? (Matius 5:14)

5. Mengapakah Tuhan Yesus berkata kalau kita mengikut Dia, kita akan berjalan dalam terang? (Yohanes 8:12; 2 Korintus 4:6)

6. Apakah yang diharapkan oleh Tuhan Yesus daripada para murid-Nya? (Yesaya 49:6; 1 Peter 2:9)

7. Mengapakah orang Kristian mungkin menyembunyikan terang mereka? (Matius 5:15)

8. Apakah yang terjadi kalau orang melihat terang kita? (Matius 5:16, Kisah Rasul-Rasul 26:18)

9. Apakah yang boleh menyebabkan terang kita semakin pudar? (1 Korintus 4:5)

- 10. Jenis kegelapan apakah yang dapat memadamkan terang kita seperti yang disebutkan dalam 1 Korintus 4:5?

- 11. Bagaimanakah kita mengundang lebih banyak terang ke dalam kehidupan kita? (Mazmur 119:105, 130)



Renungan Peribadi

Banyak orang akan mendapat sedikit gambaran tentang Tuhan sewaktu bertemu dengan orang Kristian sekalipun mereka tidak pernah menginjak kaki ke gereja atau membaca Alkitab. Kalau orang Kristian tidak dapat menjadi garam dan terang dunia, mereka akan ditelan kejahatan di sekeliling mereka dan tidak dapat memberi gambaran baik kepada yang bukan Kristian.

Fungsi garam adalah menjadi garam dan terang adalah menjadi terang. Kalau kedua-duanya tidak berfungsi patutlah dibuang dan diinjak sahaja.

	Di Rumah	Di Tempat Kerja/Sekolah
Bagaimana saya boleh menjadi garam		
Bagaimana saya boleh menjadi terang		

Santapan Minda

“Mengenai garam dan terang dunia, Matius tidak menulis dengan berfikiran kita melakukan perbuatan-perbuatan biasa yang lazim dilakukan orang atas dasar kasih satu sama lain... Tetapi ia adalah merujuk kepada perbuatan kekristianan baik yang tertentu, iaitu mengajarkan ajaran yang benar, meneguhkan iman, dan menunjukkan cara bagaimana kita dapat memperkuh dan memelihara iman; dengan demikianlah kita dapat membuktikan bahawa kita benar-benar adalah orang Kristian”



Paderi, Professor Teologi & Pelopor Reformasi Gereja Protestant

~ Martin Luther (1483-1546)



Doa

Jiwai doa ini dan mintalah pertolongan Tuhan untuk bersinar lebih terang lagi.

“Yesus minta kita bersinar
Dengan terang yang terang dan suci
Seperti lilin yang bersinar pada waktu malam
Dalam dunia yang gelap ini kita mesti bersinar
Anda di sudut kecil dunia anda
Dan saya di sudut dunia saya.”

(Susan Warner)



“Dengan demikian semua orang akan tahu, bahwa kamu adalah murid-murid-Ku, iaitu jikalau kamu saling mengasihi.”
(Yohanes 13:35)

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Berbahagialah Yang Miskin & Berdukacita



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa ajaran Tuhan berlawanan dengan nilai-nilai dunia ini.
2. Membincangkan erti miskin di hadapan Tuhan dan mereka yang berduka.
3. Menyelidiki beberapa nilai yang mencirikan mereka yang miskin di hadapan Allah dan mereka yang berduka.
4. Merenungi ciri-ciri ini dalam kehidupan mereka sendiri dan menyerahkan segala yang diusahakan dalam ciri-ciri ini kepada Tuhan.



Pencetus Minat

1. Aktiviti ini bertujuan agar para peserta menulis semula petikan Matius 5:3-12 berlawanan daripada yang dimaksudkan penulisnya.
2. Bahagikan para peserta kepada beberapa kelompok.
3. Suruh mereka baca Matius 5:3-12. Atau anda boleh membacanya bersama mereka.
4. Jelaskan Khutbah Di Bukit bermula dengan “*beatus*” dalam bahasa Latin, bahasa Inggeris bererti “*blessed*” dan Bahasa Indonesia/Malaysia, “berbahagialah/diberkatilah.”
5. Suruh mereka menulis semula Matius 5:3-12 dengan sifat/sikap/buah yang berlawanan. Contohnya, berbahagialah mereka yang sukacita atau berbahagialah mereka yang keras hati.
6. Suruh mereka membenteng pendapat mereka. Tanyakan mereka apakah dunia ini lebih mengikut Khutbah Di Bukit atau seperti yang dituliskan oleh mereka.

Penjelasan Permainan

Apakah yang anda fikirkan tentang Khutbah Di Bukit? Pada dangkalnya kalau kita membaca Khutbah Di Bukit, ia kedengaran seperti suatu kebodohan. Kita tidak akan menganggap orang yang berdukacita sebagai orang yang berbahagia atau orang yang miskin di hadapan Allah sebagai orang yang berbahagia tetapi sebaliknya orang yang sangat “rohani.” Masyarakat moden menyanjung orang yang agresif kalau mahu berjaya. Nilai-nilai yang disampaikan oleh Khutbah Di Bukit

sungguh bertentangan dengan apa yang dialu-alukan oleh dunia. Dunia akan melihat kita seperti orang yang bodoh tetapi kita akan hidup berkenan kepada-Nya kalau kita menerapkan nilai-nilai ini dalam kehidupan kita. Allah memanggil kita ke dalam kerajaan-Nya sebagai anak-anak-Nya. Dia memanggil kita untuk hidup berlainan daripada dunia.



Aktiviti Bersama

Aktiviti ini bertujuan untuk mengkaji watak dan sifat si pemugut cukai dan orang Farisi yang terdapat dalam Lukas 18:9-14. Pilih dua orang untuk melaksanakan watak-watak tersebut. Mereka boleh menggunakan bahasa moden dan bercakap secara spontan untuk lakonan ini.

Kemudian bahagikan para peserta menjadi dua kelompok. Satu kelompok akan berbincang tentang sikap pemugut cukai, dan kelompok lain berbincang tentang sifat orang Farisi.

Siapakah yang miskin di hadirat Tuhan? Siapakah yang akan diterima oleh Tuhan? Mengapa?

Dari main peranan ini, kita boleh membuat beberapa perbandingan antara orang Farisi dan pemugut cukai.

1. Kerendahan Hati berlawanan Keangkuhan

Pemugut cukai menyedari bahawa tanpa rahmat Tuhan, dia tidak mampu berdiri di hadirat Tuhan dan dia merasa tidak layak di hadapan Tuhan. Orang Farisi berfikir dia telah hidup berkenan kepada Tuhan dan tidak menyedari bahawa sebenarnya dirinya berdosa dan tidak layak di hadirat Tuhan.

2. Kebergantungan Kepada Tuhan berlawanan dengan Kebergantungan Kepada Diri

Pemugut cukai menyedari bahawa dia tidak mempunyai apa-apa untuk dibanggakan dan segala pekerjaan baik mahupun latar-belakangnya pun tidak boleh mendatangkan kelayakan di hadapan Tuhan. Dia seperti Paulus, Musa, Daud dan Tuhan Yesus dalam sikapnya. Sebaliknya, orang Farisi bersandar kepada kebaikan dan perbuatan baik sendiri malah merasa bangga di hadapan Tuhan. Kita tidak boleh bersandar pada kemampuan mahupun kebaikan kita di hadapan Allah. Tuhan Yesus mengajar bahawa kita harus miskin di hadapan Tuhan dan bersandar kepada-Nya serta mempercayai kesempurnaan-Nya

(Yohanes 5:19-20). Ini amat bertentangan dengan dunia yang bersandar pada kemampuan dan kepercayaan diri untuk mendapat kejayaan.

3. Dukacita berlawanan Kebenaran Diri

Pemugut cukai berasa sedih atas dosanya. Dia tahu dia bersalah dan berdosa di hadapan Allah. Tuhan Yesus berkata Dia berkenan dengan respon pemugut cukai yang remuk hati. Si pemugut cukai dapat tinggalkan tempat itu dengan keyakinan bahawa dia telah diampuni dan bahawa Tuhan hadir bersamanya. Orang Farisi yang tidak menyedari akan kesalahan hidupnya akan semakin jauh daripada kehadiran Tuhan. Jadi, kecuali kita berduka atas dosa kita, kita tidak akan diberkati dengan kehadiran dan penghiburan Tuhan.



Renungan Firman Tuhan

A. Orang Yang Miskin

1. Tuhan Yesus sedang menjelaskan apa yang difikirkan oleh Allah dan bukan dunia. Berkat-Nya akan dicurahkan atas orang yang sedemikian kerana mereka berkenan kepada-Nya. Mereka tidak berpaling kepada sumber yang lain tetapi hanya bergantung kepada-Nya dan Dia berkenan memberkati mereka. (Matius 5:3)
2. Yang miskin di hadapan Allah bererti mereka yang sangat memerlukan Allah dan mengakui mereka tidak ada sesuatu pun tanpa Allah. Mereka menyedari bahawa mereka pendosa yang tidak layak menerima apa-apa tetapi penghukuman Tuhan. Mereka tidak mempunyai apa-apa pun untuk diberikan kepada Tuhan bagi membalas penyelamatan-Nya.
3. Hanya sewaktu kita merasa kita tidak layak dan mengosongkan diri baru Tuhan boleh memenuhi kita dengan kehadiran-Nya yang berkelimpahan dan Kerajaan-Nya boleh menjangkau hati kita.
4. Kerajaan Allah (Kerajaan Syurga) di sini bermakna pemerintahan Allah di dalam kehidupan kita sebagai Raja. Kerajaan Syurga akan masuk ke dalam hati kita apabila kita menerima penyelamatan dari Allah. Ia adalah satu pemberian bagi mereka yang sebenarnya tidak layak menerimanya. Hanya mereka yang cukup rendah hati dapat menerima Kerajaan Allah/Syurga dalam kehidupan mereka.

B. Orang Yang Berduka

5. Mereka akan menngisi keadaan rohani mereka yang bangkrap.

Pengertian ayat ini bukan berdukacita atas tragedi kehidupan mereka. (Matius 3:4)

6. Mereka akan dihiburkan oleh Tuhan dan mengalami kehadiran Tuhan. Kita biasanya tidak berasa remuk hati atas dosa kita. Kerana itu kita tidak dapat mengalami sentuhan Tuhan. Penghiburan dan sukacita akan menyelubungi seseorang yang remuk hati dan bertaubat kerana dosa mereka. (Yesaya 57:15)
7. Tokoh-tokoh dalam Alkitab seperti Musa dan Daud sangat berbakat dan berkemampuan tetapi pada waktu yang sama mereka sangat rendah hati di hadapan Tuhan. Mereka menyedari bahawa mereka sangat bergantung pada Tuhan. (Bilangan 12:3; 2 Samuel 7:18-19)
8. Paulus yang begitu berbakat dan terlatih dalam hukum Taurat pun menganggap segala keuntungannya sebagai kerugian kerana kini yang penting bukan apa yang ada padanya tetapi Tuhan yang melampaui segala yang dimilikinya. (Filipi 3:7-8)
9. Kerana apabila Daud tidak menurut firman Tuhan, dia akan cepat menyesal dan meminta agar Tuhan mengampuninya. Dia juga merasa remuk hati terhadap dosa dan kesalahannya. (Mazmur 119:136)
10. Tuhan Yesus bergantung kepada Bapa-Nya dan sikap-Nya ber-lainan dengan manusia dunia yang hanya bersandar kepada diri sendiri. (Yohanes 5:19-20)



Renungan Peribadi

Galakkan para peserta untuk mempunyai rasa miskin di hadapan Tuhan, dan berdukacita akan dosa-dosa dan keangkuhan hati mereka. Anda juga boleh tanyakan mereka kalau mereka mengerti pelajaran di Sesi 1 ini.



Doa

Galakkan mereka untuk menjiwai Khutbah Di Bukit. Suruh mereka baca Matius 5:1-16 sekali lagi. Kemudian minta mereka berdoa agar mereka akan menerapkannya dalam kehidupan mereka.

Sesi 2: Berbahagialah Yang Lemah Lembut



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa di mata pandangan Tuhan, hanya orang yang lemah lembut dan bukan yang kuat dan agresif yang akan memperoleh apa yang diberikan oleh Tuhan.
2. Memahami apa maksud lemah lembut dalam Alkitab.
3. Memikirkan cara bagaimana mereka dapat memupuk sikap kerendahan hati dalam kehidupan mereka.



Pencetus Minat

Sketsa Pendek

Suruh beberapa peserta anda untuk melakukan satu sketsa (lakonan lucu dan pendek) seperti cerita ini. Sebelum sketsa ini, bahagikan para peserta kepada beberapa kelompok. Setiap kelompok akan memerhatikan watak yang berlainan dalam lakonan ini:

- a. Lelaki
- b. Teman wanitanya
- c. Seorang yang menumpahkan kopi ke atas baju kekasihnya
- d. Kawan lelaki yang tumpahkan kopi

Teman wanita anda telah membeli sehelai baju yang cantik untuk merayakan Krismas dan untuk menyenangkan hati anda. Sewaktu anda membawa teman wanita anda untuk makan malam di restoran, dua lelaki yang sedang bersembang-sembang dan berjalan terlanggar teman wanita anda dan kopinya tertumpah pada baju teman wanita anda. Anda berkata, "Tolong, berhati-hati." Orang itu berteriak dan menggunakan kata-kata kesat. Apakah reaksi anda?

Setelah berbincang tentang main peranan itu, jelaskan bahawa peristiwa ini akan menimbulkan pelbagai reaksi. Para peserta akan berbincang bagaimana mereka akan bersikap kalau orang itu terlanggar kekasihnya dan tertumpah kopi pada baju barunya. Tambahan pula, orang yang bersalah itu menggunakan perkataan kesat. Bincang dengan para peserta kemudian dapatkan jawapan daripada mereka.

Penjelasannya

1. Dunia ini dipenuhi dengan orang yang tidak mahu diberitahu bahawa perbuatan mereka salah.
2. Kemegahan diri hancur sewaktu kita diberitahu oleh orang lain

- tentang kesalahan atau kelemahan kita.
3. Banyak orang berfikir untuk hidup di dunia dengan baik, mereka harus menunjukkan mereka tidak dapat dibuli.
 4. Mereka menganggap mereka yang tidak berdiri untuk hak sendiri sebagai orang yang kalah.
 5. Tuhan Yesus mengajar bahawa nilai-Nya dan Kerajaan-Nya ber-lainan daripada yang di dunia. Tuhan memberkati mereka yang mengakui kebergantungan mereka pada Tuhan dan rela bertaubat atas dosa mereka.



Aktiviti Bersama Penyelesaian Masalah

Bahagikan para peserta kepada dua kelompok. Suruh mereka memikirkan jalan penyelesaian untuk Lot dan Abraham. Setelah itu suruh wakil mereka membenteng jawapannya. Mereka boleh berlakon untuk memberi jawapan mereka.

Apabila kita menjelaskan perkataan lemah lembut kita selalu menggambarkan orang yang lemah dan tidak mampu mempertahankan diri. Perkataan bahasa Inggerisnya ialah “Meek” bererti sabar, patuh, tidak melawan, rendah hati dan bertimbang rasa. Dia mampu bersikap rendah hati di hadapan Allah dan manusia. Dia tidak menonjol diri atau membuli orang lain untuk membuktikan sesuatu yang ada pada dirinya. Kita lihat bahawa Abram bersikap rendah hati terhadap Lot. Dia memperlakukan anak saudaranya dengan rendah hati dan lemah lembut. Sebenarnya, dia boleh memilih tanah yang dimahunya terlebih dahulu tetapi dia memberi kesempatan kepada Lot untuk membuat pilihan.

Akhirnya, berfirmanlah TUHAN kepada Abram: “Pandanglah sekelilingmu dan lihatlah dari tempat engkau berdiri itu ke timur dan barat, utara dan selatan, sebab seluruh negeri yang kaulihat itu akan Kuberikan kepadamu dan kepada keturunanmu untuk selama-lamanya. (Kejadian 13:14-15)



Renungan Firman Tuhan

1. Kita mesti terlebih dahulu menyedari bahawa kita berdosa dan tidak ada apa yang boleh dibanggakan di hadapan Tuhan sebelum kita dapat merendahkan hati kita kepada-Nya dan bersikap lemah lembut. (Matius 5:5)

2. Dia adalah seorang yang sabar, tidak memegahkan diri, rendah hati dan bertimbang rasa kepada orang lain kerana dia terlebih dahulu merendahkan hatinya kepada Tuhan. (Matius 5:5)
3. Dunia selalu menggambarkan orang yang agresif dan yang pandai merebut sebagai orang yang akan berjaya dan bukan orang yang rendah hati dan lemah lembut.
4. Kalau kita melihat kehidupan Tuhan Yesus, kita akan melihat Dia amat tegas dengan orang Farisi namun pada waktu yang sama Dia tidak menyombongkan Diri-Nya kerana Dia kudus dan berkarunia. Dia selalu lemah lembut. (Matius 11:28)
5. Walaupun orang yang agresif mungkin akan mendapat segala sesuatu sekarang, hanya mereka yang rendah hati akan mewartikan segala yang dijanjikan oleh Tuhan kepada mereka. Mereka mungkin tidak akan memperoleh banyak sekarang tetapi mereka akan mendapatnya dalam Kerajaan Allah/Syurga. (Mazmur 37:1, 10-11)
6. Sekalipun Raja Daud mempunyai kesempatan untuk membunuh Raja Saul yang selama ini mahu membunuhnya, dia sangat takut akan Tuhan dan tidak akan bertindak keras. Daud berkata, "Dijauhkanlah Tuhan kiranya daripadaku untuk melakukan kepada tuanku, kepada orang yang diurapi Tuhan, yakni menjamah Dia, sebab dialah orang yang diurapi Tuhan." (1 Samuel 24:6)



Renungan Peribadi

1. Minta para peserta untuk merenungi apa erti lemah lembut dan berfikir secara mendalam aspek-aspek kehidupan yang memerlukan mereka untuk berlemah-lembut. Contohnya, tidak selalu berebut-rebut dengan abang-adik untuk mendapat apa yang terbaik, merebut-rebut untuk kuasa di pejabat, bersifat lebih lemah lembut terhadap kawan-kawan yang kasar dan sebagainya.
2. Suruh mereka untuk saling mendukung dalam doa setelah menceritakan diri mereka.
3. Minta mereka untuk saling berdoa agar mereka akan lemah lembut terhadap orang lain dan lebih bertumbuh menyerupai Tuhan Yesus.



Doa

Minta mereka baca dan menjiwai Matius 5:5 sekali lagi. Galakkan mereka untuk berdoa agar mereka hidup lemah lembut dan tidak menonjolkan diri. Minta agar Tuhan memberi mereka hati yang selalu berlemah-lembut di hadapan-Nya dan kawan-kawan mereka.

Sesi 3: Berbahagialah Yang Lapar & Haus



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyadari bahawa mereka yang haus dan rindu akan kebenaran akan dipuaskan dengan hal-hal yang baik daripada Allah.
2. Memahami makna haus akan kebenaran dalam Alkitab.
3. Menerapkan haus akan kebenaran dalam kehidupan mereka.



Pencetus Minat Permainan Charade

1. Permainan ini adalah teka teki di mana setiap suku kata dalam sesuatu perkataan akan dilakonan dan pemerhatinya akan cuba meneka perkataan tersebut.
2. Tuliskan perkataan-perkataan yang menjelaskan apa yang selalu dihausi oleh manusia dalam beberapa kertas yang berlainan. Contohnya: air, nasi, KFC, rojak, wang, kereta, dan sebagainya.
3. Letakkan kertas-kertas ini dalam kotak.
4. Jelaskan makna dan tujuan permainan ini kepada mereka dengan menanyakan mereka, "Apakah yang sering dihauskan dan diimpikan oleh manusia?".
5. Permainan dimulakan dengan menyuruh seorang peserta daripada kelompok yang berbeza untuk ambil secarik kertas dari kotak dan melakonkannya secara bergiliran.
6. Dia akan melakonkan perkataan itu dan kalau anggota kelompoknya tidak dapat teka, anggota kelompok lain akan cuba memberi jawapan.
7. Kalau jawapannya salah, satu markah akan ditolak daripada kelompok itu dan kalau jawapan betul, satu markah akan ditambahkan.

Penjelasan

Kebanyakan orang di Malaysia tidak ada masalah dengan kehausan dan kelaparan kerana kita selalu dipuaskan dan jarang kita kelaparan. Adakah kita haus dan lapar akan kebenaran Allah?

Untuk menghauskan kebenaran bererti kita sering menghauskan firman Tuhan dan kebenaran-Nya seperti kita menghauskan air dan makanan. Kelaparan ini bererti merindui pemerintahan Tuhan dalam hati dan kehidupan yang didasari pada firman Allah dan kebenaran-Nya. Kelaparan akan Tuhan dan kebenaran-Nya akan membawa perubahan

dalam hati kita. Kelaparan kepada Tuhan bermula dengan keyakinan bahawa kita miskin dan tidak layak di hadirat Tuhan dan perlu bergantung kepada-Nya.



Aktiviti Bersama

Minta mereka jawab beberapa pertanyaan mudah ini dengan jujur.



Renungan Firman Tuhan

1. Ketika kita percaya kepada Yesus sebagai Tuhan dan mengikut-Nya, kita memulakan satu perjalanan yang haus akan kebenarannya. (Yohanes 6:35)
2. Kita mesti haus akan firman Tuhan seperti kita haus akan air dan mencarinya seperti kita mencari makanan setiap hari. Firman Tuhan mengibaratkan orang yang menghauskan firman-Nya seperti rusa yang rindu akan air. (Mazmur 42:2-3)
3. Hanya orang yang miskin dalam batin mereka di hadapan Tuhan dan berduka atas dosa mereka sahaja yang akan haus serta mencari kebenaran Tuhan. Kalau mereka merasa mereka sudah cukup dan mampu dengan kesempurnaan sendiri, mereka tidak akan rasa haus akan kebenaran Tuhan. (Matius 5:4-5)
4. Mereka akan memperoleh pelepasan daripada masalah. Mereka juga akan dipuaskan dengan kehadiran-Nya, kasih setia-Nya dan kebaikan-Nya. (Mazmur 107:5-9)
5. Orang yang ingin mencari Kerajaan Tuhan mesti memberi keutamaan yang tertinggi kepada Tuhan dalam kehidupan mereka. Mereka tidak boleh membiarkan urusan kehidupan mereka mengaburkan perhubungan mereka dengan Tuhan dan merampas mereka daripada saat renungan mereka. (Matius 6:33)
6. Tidak, mereka tidak sungguh mencari kebenaran Tuhan dan kasih mereka kepada Tuhan ibarat kabus pagi yang tahan sementara sahaja.
7. Kerinduan untuk menjadi semakin seperti Yesus telah menyebabkan kita rindu akan kebenaran. (1 Yohanes 3:2)
8. Mereka akan mengembara dan menjelajah untuk mencari firman Tuhan sewaktu terjadi kemarau firman Tuhan.
9. Kebenaran boleh dibahagikan kepada kebenaran peribadi dan kebenaran sosial. Kebenaran peribadi akan menyebabkan kita mencabut segala akar dan dosa daripada kehidupan kita dan

menjadikan kita lebih menyerupai Yesus kerana Dia menguasai kehidupan kita. Kebenaran sosial sangat penting juga kerana kita tinggal dalam masyarakat. Kita harus bertindak adil dan membawa kemuliaan kepada Tuhan dalam perniagaan, pendidikan, politik dan bidang seni. Dalam kitab Amos, umat Tuhan menindas orang miskin dan mengambil kesempatan ke atas mereka serta bertingkah laku tidak bermoral. Mereka tidak ada kebenaran sosial yang merupakan kesaksian umat Tuhan. (Amos 2:6-7)

10. Kerinduan kita untuk kebenaran akan berakhir ketika Tuhan Yesus memerintah dan kita tinggal bersama dengan Domba Allah yang tidak bercacat cela. (Wahyu 7:15-17) Selagi kita masih berada di dunia, kita akan melihat pelbagai kelaliman dan kerinduan kita untuk kebenaran tidak pernah berakhir.



Renungan Peribadi

1. Galakkan setiap peserta untuk memikirkan dan membuat satu menu untuk menyediakan 'makanan dan minuman' bagi melegakan jiwa yang haus akan kebenaran dalam kehidupan mereka.
2. Gunakan kertas kosong jika perlu.
3. Mereka boleh melukiskan kartun, seperti menggambarkan kartun yang kurus yang melambangkan kemiskinan rohani dan apa yang diperlukan oleh mereka.



Doa

Minta mereka merenungi Matius 5:6 sekali lagi. Suruh mereka berdoa agar mereka benar-benar lapar dan dahagakan kebenaran Tuhan dalam kehidupan mereka.

Sesi 4: Berbahagialah Yang Berbelas Kasihan



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk menolong para peserta berbincang tentang mengapa dan bagaimana mereka harus berbelas kasihan.
2. Untuk menyelidiki mengapa Yesus memanggil mereka untuk menunjukkan belas kasihan dan kepada siapakah mereka harus berbelas kasihan.
3. Untuk memikirkan bagaimana mereka dapat menunjukkan belas kasihan kepada orang yang berada di sekeliling mereka.



Pencetus Minat (1)

1. Bahan yang diperlukan: suratkhbar (lama dan baru).
2. Aktiviti ini bertujuan untuk menolong para peserta menyelidiki bagi diri sendiri tentang bagaimana mereka harus menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang memerlukan bantuan.
3. Bahagikan mereka kepada beberapa kelompok dan berikan suratkhbar kepada setiap kelompok. Suruh mereka melihat suratkhbar untuk melihat orang-orang atau individu tertentu yang sedang menderita di masyarakatnya.
4. Minta mereka berbincang tentang hal-hal di bawah:
 - a. Tindakan yang akan diambil oleh mereka terhadap situasi itu.
 - b. Cara respon yang akan diambil oleh mereka
 - c. Sebab-sebab atau alasan kenapa sesetengah orang sama sekali kurang memberi respon terhadap situasi itu
5. Suruh seorang wakil membentangkan hasil perbincangan mereka.
6. Sekiranya para peserta terdiri daripada mereka yang tidak begitu mengenal huruf, anda boleh memilih beberapa peristiwa daripada suratkhbar, dan bacakan untuk mereka. Kemudian menggalakkan para peserta untuk memikirkan sikap dan respon yang wajar terhadap mereka yang menderita.



Pencetus Minat (2)

Bahagikan kumpulan anda kepada beberapa kelompok. Bincangkan bilakah dalam kehidupan anda, anda paling memerlukan pertolongan dan belas kasihan orang lain. Adakah orang mengasihani anda? Bagaimana ini memberi kesan kepada kehidupan anda?

Penjelasan:

Pada umumnya, dunia ini kekurangan orang yang menunjukkan belas kasihan kepada orang lain. Untuk menunjukkan belas kasihan, ia menuntut sesuatu daripada kita. Kita memerlukan banyak tenaga, emosi, waktu, bahkan wang ringgit, kalau kita ingin menolong orang yang menghadapi masalah. Kita juga sering tidak mendapat balasan-nya. Kebanyakan orang akan berfikir, "Biarlah aku menjaga diri sendiri dan lupakan keperluan orang lain."

Hati manusia sering kekurangan belas kasihan untuk sesama manusia. Kehilangan nilai moral kita juga telah menyebabkan kita kehilangan belas kasihan dan perhatian terhadap orang lain. Sewaktu kita membaca tentang Tsunami, gempa bumi, dan pelbagai bencana alam yang menimpa manusia, apakah kita berbelas kasihan?



Aktiviti Bersama Sandiwara Minggu Ini

1. Dalam perumpamaan ini (Matius 18:21-35), hamba itu telah ditunjukkan belas kasihan oleh raja walaupun dia telah berhutang berjuta-ringggit. Raja itu membatalkan hutangnya, hutang yang tidak mungkin dilunaskannya.
2. Yesus menjelaskan bahawa demikian juga Allah telah membatalkan hutang kita.
3. Kita tidak mempunyai cara yang lain untuk melunaskan hutang dosa kita terhadap Tuhan.
4. Kita harus berbelas kasihan terhadap orang lain seperti Allah yang berbelas kasihan terhadap kita. Kita tidak boleh bergantung pada perasaan sendiri atau kerelaan hati kita kerana Tuhan telah mengampuni kita, jadi kita mesti mengampuni orang lain. Kita tidak ada pilihan lain kerana kita adalah anak-anak-Nya.



Renungan Firman Tuhan

A. Tuhan Yesus Mengasihani

1. Sewaktu Tuhan Yesus melihat orang ramai yang lapar dan sesat seperti domba yang tidak bergembala, Dia berbelas kasihan dan tergerak hati-Nya. (Matius 9:36)
2. Dia telah memberi makanan kepada empat ribu orang. (Matius 15:32-39)
3. Dia menjamah mata seorang yang buta. Segala pelayanan dan penyembuhan yang dilakukan oleh Tuhan Yesus didorong oleh belas

kasihan. (Matius 20:34)

4. Hati-Nya tergerak untuk berbelas kasihan lalu membangkitkan anak janda yang telah mati. (Lukas 7:11-15)

B. Kenapa Mengasihani?

5. Baca Matius 18:21-35 dan Lukas 6:32-35. Tuhan Yesus memberi kita dua sebabnya kita perlu mengasihani:-

(i) Tuhan telah mengasihani kita. (Matius 18:32-33).

- Dalam perumpamaan ini, Raja itu telah menunjukkan belas kasihan kepadanya walaupun dia berhutang berjuta-ringggit, Raja itu membatalkan segala hutangnya kerana dia tidak mampu membayarnya.
- Tuhan Yesus menjelaskan bahawa Tuhan telah membatalkan dosa kita kerana kita tidak mampu menebus diri kita seperti hamba itu.
- Tuhan telah mengasihani kita maka kita juga mengasihani orang lain.

(ii) Kita diminta menyerupai Tuhan (Lukas 6:36)

- Kita mengasihani seperti Bapa Syurgawi yang selalu mengasihani.
- Kita dipanggil untuk menyerupai-Nya dalam hal mengasihani dan tidak boleh bergantung pada perasaan kita kerana kita anak-anak Kerajaan-Nya.

6. Siapa Yang Layak Dikasihani

- Kita dipanggil untuk mengasihani orang yang layak menerima belas kasihan dan orang yang tidak layak kasihan.
- Kita dapat mengasihani mereka yang menderita seperti orang miskin, tidak ada rumah, anak-anak yatim atau mangsa-mangsa perang.
- Kita menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang tidak layak belas kasihan kita. Tuhan Yesus mengasihani perempuan yang berzina dan mengampuninya.
- Dalam perumpamaan itu, kawan hamba itu berhak menuntut hutangnya tetapi Tuhan Yesus meminta agar dia mengasihani.
- Dalam Lukas 6:32-36, kita diminta untuk mengasihani musuh-musuh kita juga. Tuhan Yesus menegur dosa orang yang berdosa tetapi Dia tetap menunjukkan belas kasihan dan rahmat Allah kepada mereka. Kita boleh menegur dosa seseorang tetapi kita tetap perlu tunjukkan belas kasihan.

C. Siapa Yang Layak Menerima Berkat

7. Mereka yang mengasihani orang lain juga akan menerima belas kasihan. Itulah janji Tuhan. Inilah orang yang disenangi oleh Tuhan kerana mereka mencari hati Tuhan.



Renungan Peribadi

1. Ketika melihat orang yang berada dalam kesusahan, kita perlu bertanya:
 - (a) Apakah yang saya boleh buat untuk menolongnya?
 - (b) Apakah yang saya boleh berikan kepadanya?
2. Nasihatkan mereka untuk selalu berbelas kasihan walaupun situasi itu menyebabkan mereka susah berbelas kasihan. Berikan cadangan agar mereka tahu cara menunjukkan belas kasihan jika peristiwa seperti itu terulang.



Doa

Tutupkan sesi ini dengan doa agar mereka meminta Tuhan Yesus memberi mereka kerendahan hati dan belas kasihan. Berdoa agar Tuhan Yesus akan membawa mereka ke situasi di mana mereka boleh menunjukkan belas kasihan mereka kepada orang lain.

Sesi 5: Berbahagialah Yang Suci Hatinya



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengkaji erti ‘hati’ dalam Alkitab dan implikasi-implikasi suci dalam hati.
2. Mengenalpasti masalah-masalah yang akan dihadapi mereka ketika mereka berusaha menjadi suci dalam hati.
3. Mengetahui berkat yang akan diperoleh oleh mereka yang suci dalam hati mereka.



Pencetus Minat

Anda boleh memperkenalkan **Permainan Mime** (teka-teki gerak-geri). Tujuan permainan ini ialah menyuruh beberapa peserta meniru lakonan seorang peserta lalu cuba meneka “*mime*”^{*} atau lakonan itu.

1. Bahagikan para peserta kepada beberapa kelompok.
2. Setiap kelompok akan fikirkan satu “mime” atau “gerak geri.”
3. Wakil setiap kelompok akan “mime” dan kelompok-kelompok lain akan berusaha meneka maksudnya.
4. Beritahu mereka agar jangan buat mime yang terlalu mudah difahami oleh kawan-kawan dari kelompok lain. Contohnya, bagaimana anda berpura-pura mencuci gajah. Mime juga boleh melibatkan semua anggota kelompok mereka.

* *Mime*: berlakon dalam lakonan di mana orang-orang dan kejadian-kejadian benar diperolok-olokkan dan diteka oleh penonton-penontonnya. Biasa ia dilakukan tanpa perkataan)

Penjelasan:

Setelah para peserta mime atau mengolok-olokkan gerak-geri tertentu, anda boleh menjelaskan maknanya. Sewaktu anda melihat seseorang bertingkah-laku dalam cara yang tertentu, anda hanya boleh meneka apa yang tersirat dalam hatinya. Kita sangat pandai menyelindung hati dan minda kita sehingga orang lain tidak boleh membacanya. Kita menyelindung perasaan dan fikiran kita kerana kita tidak mahu orang mengetahui apa yang terbenam dalamnya. Kita takut kalau orang mengetahuinya mereka mungkin akan menentanginya. Kadangkala kita berpura-pura agar diterima oleh orang lain. Dalam hati kita tersimpan pelbagai rahsia yang hanya diketahui Tuhan. Dalam Khutbah di Bukit, Tuhan berkata, “Berbahagialah orang yang suci hati...”



Aktiviti Bersama Perihal hati

1. Bahagikan para peserta kepada 2 kumpulan.
2. Sediakan dua keping hati besar kadbod dan crayón, dan berikan setiap kumpulan satu keping hati kadbod.
3. Satu kelompok akan melukiskan hati orang yang mengasihi Tuhan dengan pelbagai simbol.
4. Satu kelompok lagi akan melukiskan hati orang yang tidak mengasihi Tuhan.
5. Apabila selesai, minta mereka bincangkan lukisan dan jelaskan simbol-simbol itu.



Renungan Firman Tuhan

A. Hati - Pusat Keberadaan Kita

1. Apabila kita menggunakan istilah 'hati', kita selalu merujuknya kepada emosi dan perasaan kita.
2. Dalam 1 Raja-Raja pasal 3, Tuhan memberitahu Raja Salomo bahawa Dia akan memberinya 'satu hati yang penuh hikmat dan pengertian' agar dia dapat memerintah umat Allah yang degil dan keras kepala. 'Hati' di sini bererti pusat minda dan kepandaian kita. Hatilah yang memberi kita hikmat.
3. Dalam Ulangan 30:15-18, Tuhan memberi umat-Nya satu pilihan iaitu untuk mengasihi-Nya atau untuk berpaling daripada-Nya. Di sini 'hati' ditujukan kepada kemahuan dan pilihan kita. Pilihan untuk memilih Dia atau berpaling daripada-Nya.
4. Hati yang diertikan dalam Mark 12:29-30 ialah perasaan dan emosi kita. Kita dipanggil untuk mengasihi Tuhan dengan seluruh hati kita.
5. Hati mencakupi emosi, kemahuan dan minda kita.
6. Yesus menekankan bahawa hati ialah pusat keberadaan kita. Hati kita ialah pusat keberadaan kita yang berdosa. Dari hatilah semua keinginan dan hawa nafsu akan tercetus. Tuhan Yesus menjelaskan bahawa bukan hal-hal lahiriah yang membenarkan seseorang di hadirat Tuhan tetapi apa yang ada dalam hati kita. Hatilah yang menjadi puncunya kerana di situlah tersimpan segala keinginan jahat.
7. Yeremia 17:9 mengatakan hati kita licik daripada segalanya dan sudah membatu. Setelah kejatuhan (iaitu apabila Adam dan Hawa berdosa terhadap Allah), dosa tinggal dalam hati kerana ia pusat keberadaan kita.

B. Suci Dalam Hati

8. Hati yang suci berarti hati yang tidak berbelah-bagi dalam keinginannya mengikut Tuhan. Masalah kita ialah hati kita sering terbagi: sebahagian inginkan Tuhan dan sebahagian lagi tidak ingin. Kita harus meminta agar hati dan hidup kita dipenuhi dengan Roh Kudus.
9. Pemazmur dalam Mazmur 86:11 meminta agar Tuhan memberinya hati yang tidak berbelah-bagi dan yang takut akan nama-Nya. Dia meminta daripada Tuhan supaya hanya merindui Tuhan sahaja.
10. Kita menjaga hati dengan menjamin ia selalu dibersihkan daripada segala sesuatu yang tidak bersih. Kalau kita datang ke hadirat Tuhan, kita menjamin tidak ada sesuatu yang tidak suci akan menyelinap masuk ke dalamnya.

C. Berkah Daripada Hati Yang Suci

11. Kita tidak mungkin bersemuka dengan Allah di dunia ini. Dalam Keluaran 33:20, Allah memberitahu Musa bahawa dia (Musa) tidak boleh melihat-Nya dan hidup. Ini adalah kerana Allah itu kudus, dan manusia yang fana dan berdosa tidak dapat menatap Allah yang suci.
12. Ketika Yesus berkata tidak ada orang dapat melihat Allah, ia berarti kita hanya dapat melihat Tuhan Yesus ketika Dia datang lagi. (Yohanes 6:46)
13. Kita diminta untuk mendekati Tuhan, menyucikan diri kita sendiri dan tidak menduakan hati kita. (Yakobus 4:8)



Renungan Peribadi

Biar mereka merenung dan mengkaji apa saja yang menghalang mereka untuk memiliki hati yang suci. Galakkan mereka untuk mencari jalan keluar bagi mengatasi masalah tersebut.



Doa

Berdoa bersama para peserta berdasarkan Ibrani 12:14 dan mengingatkan mereka untuk meminta kuasa Tuhan sewaktu mereka mengejar kekudusan dalam kehidupan mereka dan memberitakan kepada orang lain bahawa mereka adalah anak-anak Tuhan.

Sesi 6: Berbahagialah Yang Membawa Damai



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa Kristus Yesus telah ditentukan oleh Allah untuk membawa damai antara manusia dengan Allah.
2. Memahami bahawa kita yang sudah didamaikan diminta untuk menjadi pembawa damai.
3. Menerapkan konsep membawa damai dalam kehidupan mereka.



Pencetus Minat

Teka perkataan damai ini berasal daripada bahasa mana? Wakil daripada setiap kelompok akan mengambil kad yang mempunyai perkataan damai daripada salah satu bahasa. Setiap tekaan yang betul akan menerima markah-100

- | | |
|----------------------|-------------------------|
| 1. Shalom (Ibrani) | 6. Amaithi (Tamil) |
| 2. Salaam (Arab) | 7. Hoa Binh (Vietnam) |
| 3. La Pace (Itali) | 8. Irimi (Greek/Yunani) |
| 4. Heiwa (Jepun) | 9. Mabuhay (Tagalog) |
| 5. Pyong Hwa (Korea) | 10. Ping-An (Mandarin) |



Aktiviti Bersama

1. Aktiviti ini akan memberi peluang kepada para peserta untuk mengetahui bahawa untuk menjadi pembawa damai mereka mesti terlebih dahulu berdamai dengan Tuhan. Selain itu, ajarlah mereka bahawa sesiapa yang memberitakan tentang Tuhan Yesus adalah pembawa damai.
2. Galakkan mereka untuk memberitakan Berita Baik dengan konsep Anak Pendamaian dan melakonkan seakan-akan mereka sedang membawa khabar damai.

Contoh Lakonan:

Don: "Nenek-moyang kamu bukanlah orang pertama yang tahu bahawa pendamaian tidak mungkin diadakan tanpa anak pendamaian. Alkitab juga memberitahu bahawa pendamaian antara Tuhan dan manusia dapat diselesaikan melalui seorang anak. Tetapi masalahnya Dia tidak dapat mencari manusia yang sempurna di kalangan manusia. Siapakah yang akan dicarinya?"

Mahaen: "Siapakah yang dicarinya? (sambil memanggag satay

kumbang-kumbangnya)

Don: “Mahean, ketika anda menyelesaikan pendamaian dengan musuh anda, adakah anda menggunakan anak orang lain?”

Kaiyo: “Tidak, anakku.” (dengan nada yang sedih)

Don: “Adakah Mahaen memberi anak orang lain?”

Mahaen & Kaiyo: “Tidak.”

Don: “Demikian juga Allah, Dia telah memberi Anak-Nya yang tunggal untuk mendamaikan manusia ciptaan-Nya dengan Sang pencipta, iaitu Allah sendiri.”

Penjelasan:

1. Kristus Yesus telah ditentukan Allah menjadi jalan pendamaian antara manusia dan Allah. Dia telah menebus dosa kita melalui kematian-Nya di kayu salib. Darah-Nya yang suci telah menyucikan dosa kita sehingga kita berdamai dengan Allah. “Kristus Yesus telah ditentukan Allah menjadi jalan pendamaian kerana iman.” (Roma 3:25) Kita sudah didamaikan dengan Allah kita melalui Tuhan Yesus.
2. “Bayi Pendamaian” daripada Allah ialah Kristus. “Sebab kamu tahu bahawa kamu telah ditebus dari cara hidup yang sia-sia yang kamu warisi daripada nenek-moyangmu bukan dengan barang yang fana, bukan pula dengan perak atau emas, melainkan dengan darah yang mahal, iaitu darah Kristus yang sama seperti darah anak domba yang tak bernoda dan tak bercacat.” (1 Petrus 1:18-19)
3. “Sebab Allah mendamaikan dunia dengan diri-Nya oleh Kristus dengan tidak memperhitungkan pelanggaran mereka. Ia telah mempercayakan berita pendamaian kepada kami.” (2 Korintus 5:19) Setelah kita berdamai dengan Tuhan, kita juga diminta untuk memberitakan Kristus dan khabar pendamaian Allah dengan manusia.



Renungan Firman Tuhan

1. Melalui darah perjanjian-Nya, Dia telah memberi kita kehidupan dan Dia menjadi Gembala Agung kita. (Ibrani 13:20)
2. Yesus yang menjadi Putera Damai kita telah memberi damai kepada kita dalam pengertian yang tertinggi, iaitu kesihatan dan damai kepada jiwa yang sakit akibat disarat dosa, perhubungan yang sihat antara Tuhan dan manusia, serta damai antara manusia. (Yesaya 9:6)
3. Seorang murid Tuhan Yesus yang sejati mempunyai damai dengan Tuhan Allah. Perhubungannya yang erat dengan Tuhan juga

mendatangkan perubahan dalam kehidupannya sehingga dia boleh hidup damai dengan orang lain serta membawa khabar damai daripada Tuhan. (Matius 5:9) Kita sebaiknya hidup damai bersama semua orang dan menjauhkan konflik.

4. Rasul Paulus menasihati kita agar selalu hidup dalam damai bersama orang lain dan jangan membalas kejahatan dengan kejahatan. (Roma 12:17-18)
5. Kita harus tinggalkan mezbah terlebih dahulu dan berdamai dengan saudara kita itu kalau kita teringat seseorang marah dengan kita. Tuhan Yesus menggalakkan kita untuk mengambil inisiatif atau langkah pertama sewaktu memulihkan persahabatan yang renggang akibat konflik. (Matius 5:23-24)
6. Yesus tidak bersetuju dengan pembalasan kekerasan kerana orang yang berbuat demikian akan binasa di tangan kekerasan. (Matius 26:52)
7. Kalau kita bersikap baik terhadap orang yang baik terhadap kita, ini hanya hal yang biasa. Tetapi kalau kita memperlakukan musuh kita dengan baik, itu barulah sesuatu yang luar biasa. Selain daripada itu, kalau kita berdamai dan berbaik dengan musuh kita baru kita menyerupai Tuhan. (Lukas 6:27-36)
8. Kita boleh belajar daripada Tuhan Yesus terutama sewaktu dianiayai dan dicaci maki. Dia tidak membalas caci maki dengan maki hamun. (1 Petrus 2:21-23)



Renungan Peribadi

Berilah para peserta waktu untuk berdoa dan merenungi bagaimana mereka boleh menjadi pembawa damai dalam kehidupan mereka. Jelaskan kepada mereka bahawa kita diperintahkan membawa Berita Damai kerana Tuhan telah mendamaikan kita. Suruh mereka merenungi bagaimana mereka boleh hidup berdamai di rumah atau tempat kerja.



Doa

Berdoa bersama mereka berdasarkan **Alat Damai Sejahtera-Mu** yang ditulis oleh Santo Francis Assisi.

Sesi 7: Berbahagialah Yang Dicela & Dianiaya



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengenalpasti kenapa orang Kristian dianiaya oleh orang sekeliling mereka.
2. Menyelidiki sebabnya Yesus berkata mereka perlu berbahagia apabila dianiaya.
3. Menyelidiki cara mereka sedang menjalankan kehidupan mereka dan bagaimana mereka boleh hidup lebih kudus lagi serta menghadapi penganiayaan dengan cara yang berkenan kepada Tuhan.



Pencetus Minat

Bimbing para peserta untuk berbincang tentang waktu mereka dianiaya dan apakah respon mereka. Kalau respon mereka kurang memuaskan, anda boleh meminta cadangan respon daripada peserta-peserta lain. Sebagai pembimbing, anda juga boleh memberi mereka nasihat tentang cara untuk memberi respon yang baik. Anda boleh menasihati para peserta agar tidak membalas kekerasan dengan kekerasan ketika iman kepercayaan mereka dihina dan dicabar.



Aktiviti Bersama

Jelaskan kepada para peserta bahawa biasanya orang yang dianiaya akan membalasnya bukan dengan cara yang negatif. Umat Allah yang dicela demi Tuhan diminta untuk berbalas dengan cara yang berkenan kepada Tuhan. Hal ini akan dijelaskan dalam sesi ini nanti.



Renungan Firman Tuhan

Anda boleh membahagikan para peserta kepada beberapa kelompok untuk membincangkan ayat-ayat Alkitab yang diberi. Kemudian bincangkan jawapan bersama-sama dengan mereka.

Bahagian A (Si Penganiaya):

1. Tuhan Yesus memberitahu kita bahawa Dialah yang menyebabkan dunia tidak menyukai kita. Kita adalah pengikut-pengikut-Nya. Kita bertingkah-laku dengan cara yang berlainan dengan dunia; dan oleh kerana itu, mereka akan menertawakan kita dan melakukan hal

- hal yang tidak baik terhadap kita kerana iman kita. (Yohanes 15:18-25; 1 Petrus 3:4-5)
2. Dengan kedatangan-Nya di dunia, Tuhan Yesus menghadap dosa dan menunjukkan kepada kita bagaimana kita boleh diselamatkan daripada dosa. Tetapi dunia ingin tetap tinggal dalam dosa dan tidak mahu menerima jalan Kristus. Mereka mencela dan menganiaya Dia dan kita. (Yohanes 15:22-24)
 3. Tuhan Yesus berkata oleh kerana Dia dianiayai, kita juga akan dianiayai seperti-Nya. Mereka akan menolak pengikut-pengikut-Nya kerana mereka menolak Yesus. (Yohanes 15:20)

Bahagian B (Yang Dianiaya):

4. Sebagai anak Tuhan, kita tidak harus membalas kejahatan dengan kejahatan seperti yang biasa dilakukan oleh orang yang bukan Kristian. Kita tidak harus marah seperti seorang anak yang sedang merajuk, atau memilik rasa kasihan diri, atau berpura-pura tidak ada perasaan tetapi kemarahan membara di dalam diri kita. (1 Petrus 4:12-16,19)
5. Kita patut berbahagia kerana tiga hal:
 - (i) Kita menderita kerana nama-Nya. (Matius 5:11) Kita harus ingat bahawa kita tidak sehebat Tuhan Yesus. Mengikuti Dia bererti kita mesti menderita kerana Dia juga menderita. Kita harus turut menderita dan berbahagia (1 Petrus 4:13-14) kerana kita berbahagia menderita seperti-Nya.
 - (ii) Upah kita besar di syurga (Matius 5:12). Kita mungkin kehilangan segala sesuatu di dunia untuk mewarisi segala di syurga. Tuhan mengetahui segala yang kita alami dan sebagai anak-anak-Nya kita harus menyedari bahawa kita adalah rakyat surgawi. Kita akan menerima balasan kita sewaktu kita melihat-Nya. Inilah perjanjian yang dipegang oleh kebanyakan hamba-hamba Tuhan di situasi yang paling teruk.
 - (iii) Nilai ini juga melambangkan kita sebagai pengikut-Nya yang sejati. (Matius 5:12) Banyak pengikut-pengikut setia-Nya dianiayai. Sewaktu kita sungguh-sungguh menerapkan kehidupan Kristian, banyak orang yang tidak akan merasa gembira.
6. Mereka berbahagia kerana Tuhan menganggap diri mereka layak menderita di bawah tangan Sanhedrin. (Kisah Rasul 5:40-41)
7. Kita mesti menyelidiki diri walaupun orang mengatakan hal-hal yang baik mengenai kita. Nabi-nabi yang palsu juga berkhotbah hal-hal yang suka didengar pendengarnya dan dianggap baik. (Lukas 6:26)



Renungan Peribadi

Berilah waktu kepada para peserta untuk merenungi tingkah laku mereka sewaktu mereka menghadapi penganiayaan. Mereka boleh memberitahu seorang teman apa yang ditulis oleh kawan mereka dan saling mendoakan.



Doa

Tutupkan sesi ini dalam doa dan meminta agar Tuhan akan menuliskan kebenaran-Nya pada hati para peserta. Mintalah Kuasa Tuhan untuk memenuhi mereka agar mereka dapat menjalani kehidupan ini sesuai dengan nilai-nilai Kerajaan Allah yang disampaikan oleh Khutbah Di Bukit.

Sesi 8: Garam Dan Terang Dunia



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk belajar apa ertinya menjadi garam dan terang dunia.
2. Untuk mempertimbangkan bagaimana menjadi garam dan terang dalam pengertian praktikal.
3. Untuk menerapkan konsep ini dalam kehidupan mereka.



Pencetus Minat

Sediakan suratkhbar yang baru mahupun yang lama. Bahagikan para peserta kepada beberapa pasangan. Mereka akan mengambil beberapa suratkhbar dan menyelidki kemerosotan moral di Malaysia dan mencatatnya pada kertas dan kemudian berbincang dengan semua peserta.

Jika para peserta tidak boleh membaca (atau kurang membaca), anda boleh menceritakan beberapa peristiwa yang berlaku di kampung atau negara ini di mana kemerosotan moral jelas mewarnai kehidupan manusia.



Aktiviti Bersama Kegunaan Garam & Api/Terang

Apakah fungsi garam dalam kehidupan dan tubuh manusia? Bincangkan kegunaannya bersama-sama dengan para peserta.

Jelaskan kepada para peserta bahawa garam boleh mengimbangkan aliran air dalam tubuh badan kita. Selain itu, garam boleh digunakan untuk membasmi kuman dan menjauhkan jangkitan dengan berkumur-kumur. Pada zaman dahulu, garam digunakan untuk mencegah daging dari membusuk. Garam juga digunakan di negara tertentu untuk mencairkan salji.

Terang/api pula boleh digunakan untuk memasak, memanaskan, menerangkan keadaan gelap, membasmi kuman dengan cara membakar peralatan membedah, dan sebagainya.

Tuhan Yesus mengibaratkan kehidupan orang Kristian seperti garam dan terang di dunia.



Renungan Firman Tuhan

A. Peranan Sebagai Garam

1. Di tengah-tengah dunia yang semakin merosot nilai moralnya, orang Kristian diminta menjadi garam untuk mencegah kuman kemerosotan dengan kehidupan mereka yang berbeza. Dengan sikap dan sifat yang mementingkan kekudusan dalam kehidupan, perniagaan dan pergaulan, orang Kristian berfungsi seperti garam untuk mencegah kemerosotan. (Matius 5:13)
2. Berdasarkan penemuan yang terdapat dalam Pencetus Minat di permulaan sesi ini, biar peserta berbincang bagaimana orang Kristian boleh menjadi garam dalam situasi seperti ini. Contohnya sewaktu dianyai kerana iman mereka, mereka tidak akan membalas kekerasan dengan kekerasan. Contoh kedua, untuk mencegah rasuah yang bermaharajalela, mereka mesti selalu berwaspada dan bersikap jujur sewaktu mengurus-niaga agar nama Tuhan tidak tercela. (Matius 5:13)
3. Ini merujuk kepada orang Kristian yang mengikut gaya dan kemerosotan moral walaupun mengakui dirinya Kristian. Mereka menipu, menggelapkan wang, menjalin perhubungan haram, berbohong dan sebagainya. Tidak ada ciri kekristianan yang terpancar dalam kehidupan mereka. (Matius 5:13)

B. Peranan Sebagai Terang

4. Terang mempunyai fungsi mencerahkan kegelapan dengan penyebaran kebenaran, keindahan iman, dan kebaikan yang terjalin dengan Yesus. Semua yang dipanggil anak-anak Tuhan diminta untuk memancar terang Yesus. (Matius 5:14)
5. Kita akan berjalan dalam terang kalau kita mengikut Tuhan Yesus kerana Dia memancarkan segala kemuliaan Tuhan yang boleh menerangi kehidupan kita. (Yohanes 8:12; 2 Korintus 4:6)
6. Kita diminta untuk menjadi terang kepada bangsa-bangsa yang tinggal dalam kegelapan supaya mereka boleh mengenal Tuhan melalui pemberitaan kita tentang Dia dan cara kehidupan kita. (Yesaya 49:6; 1 Petrus 2:9)
7. Kita mungkin menyembunyikan terang kita kerana kita takut kepada orang yang membenci Terang (Yesus). Atau kita mungkin merasa malu ketika berada di tengah-tengah orang yang tidak mengenal Tuhan. Kadangkala kita tidak pandai mengambil kesempatan dengan cepat agar terang itu boleh menerangi orang lain. (Matius 5:15)

8. Mereka akan memuliakan Bapa atas kebaikanmu. Selain daripada itu, kita akan mencelikkan mata mereka supaya berpaling daripada kegelapan dan kuasa Iblis. Mereka akan berkesempatan untuk menerima pengampunan dosa dan menerima penyelamatan. (Matius 5:16; Kisah Rasul-Rasul 26:18)
9. Dosa yang tersembunyi dalam diri kita boleh menyebabkan terang Tuhan semakin pudar. Jadi kita mesti membiarkan terang Tuhan menyinari dosa yang tersembunyi agar kita boleh bersinar dengan lebih terang. (1 Korintus 4:5)
10. Kebencian terhadap seorang saudara akan menyebabkan seseorang berjalan dalam kegelapan dan matanya telah dibutakan oleh kegelapan. (1 Yohanes 2:9,11)
11. Kita dapat mengundang lebih banyak terang ke dalam kehidupan kita dengan membaca firman Tuhan kerana firman Tuhan akan memberi kita pengertian dan pemahaman untuk berjalan dalam terang. (Mazmur 119:105, 130)



Renungan Peribadi

Beri para peserta masa untuk menyelidiki kehidupan mereka dan bagaimana mereka boleh menjadi terang dan garam dunia.



Doa

Hayati doa yang ditulis oleh Susan Warner ini bersama dengan para peserta. Berdoalah bersama dengan mereka agar Tuhan menolong mereka untuk bersinar terang.

Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam siri **OBOR BELIA** dari kami!



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

OBOR BELIA

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman*, *Kehidupan dalam Kristus*, *Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang keenam, **"Berbahagialah! (Khutbah Di Bukit)"** bertujuan menolong para belia menyelidiki sistem nilai mereka sendiri dan memastikan nilai-nilai mereka didasarkan pada pandangan Alkitab. Dalam khutbah-Nya di atas bukit, Tuhan Yesus mencabar pemikiran dan pemahaman kita tentang hal-hal Kerajaan Allah. Sesungguhnya nilai-nilai yang dikhutbahkan oleh Tuhan Yesus itu berlawanan dengan nilai-nilai yang dialu-alukan oleh dunia ini. Tuhan menghargai orang yang miskin jiwanya di hadirat Allah, berdukacita atas dosa sendiri, rendah hati, haus akan kebenaran, serta mencintai dan membawa damai.



"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Rev. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiap dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)

Harga: RM 6.00